

TEKS UCAPAN  
YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK  
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN 135 TAHUN MUZIUM PERAK  
TAIPING PERAK  
24 NOVEMBER 2018 (SABTU)  
10.00 PAGI

---

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Menghadap

Duli Yang Maha Mulia, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Dan menghadap

Duli Yang Maha Mulia, Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, Sembah Patik mohon diampun.**

1. Patik bagi pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Patik dan sekalian hadirin

dapat berkumpul, bagi meraikan keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Majlis Perasmian Sambutan 135 Tahun Muzium Perak pada pagi yang sungguh indah dan permai ini.

Patik juga bagi pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudi bercemar Duli berangkat bagi menyempurnakan **Perasmian 135 Tahun Muzium Perak** pada pagi ini.

2. Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke majlis ini menunjukkan keprihatinan Duli-Duli Tuanku dalam mengangkat nilai warisan budaya dan ilmu di Negeri Perak ini. Patik mendoakan, semoga Duli-Duli Tuanku sentiasa berada dalam keafiatan dan dilanjutkan usia.

Menghadap

Duli Yang Teramat Mulia, Pengurus Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Riduan, Raja Jaafar Ibni Almarhum, Raja Muda Musa,

Menghadap

Duli Yang Amat Mulia, Raja DiHilir Perak Darul Riduan, Raja Iskandar Dzurkarnain, Ibni Almarhum, Sultan Idris A'fifullah Shah,

**Ampun Tuanku, Beribu Ampun Sembah Patik Mohon Diampun.**

1. Di kesempatan ini patik dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku, sudi

bercemar duli turut berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan 135 Tahun Muzium Perak pada pagi yang sungguh permai dan indah ini.

**Ampun Tuanku.**

Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik mohon limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik turut mengalu-alukan kehadiran para tetamu serta menyembahkan ucapan patik.

**Ampun Tuanku,**

- i. Yang Amat Berbahagia Ahli-Ahli Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan dan Toh Puan-Toh Puan.
- ii. Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar Negeri Perak Darul Ridzuan dan isteri
- iii. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan isteri
- iv. Yang Berbahagia Orang Besar-Besar Negeri Perak dan Toh Puan-Toh Puan
- v. Yang Berbahagia Ahli-Ahli Dewan Negara Perak dan isteri
- vi. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

vii. Yang Berusaha En. Mohd Azmi Bin Mohd Yusof – Timbalan Ketua Pengarah Pemuziuman Jabatan Muzium Malaysia

viii. Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

ix. Dif-dif jemputan, wakil-wakil media serta para hadirin yang dihormati sekalian.

3. Terlebih dahulu Patik, bagi pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang terlibat dalam usaha merealisasikan **Perasmian 135 Tahun Muzium Perak**. Semoga kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kekal berterusan dalam mengangkat nilai warisan budaya kepada masyarakat amnya, dan Negeri Perak khasnya.

4. Hari ini juga merupakan satu lagi hari yang bersejarah bagi patik sekalian, menjadi saksi kepada Perasmian 135 Tahun Muzium Perak. Sesungguhnya, Negeri Perak amat bertuah kerana mempunyai pelbagai elemen untuk membangun sebagai sebuah kawasan ekonomi yang dinamik, baik dari segi sejarahnya, yang menempatkan muzium pertama Malaysia, dan telah mengukir nama Negeri Perak sebagai peneraju institusi warisan sejarah dan budaya negara.

5. Khazanah koleksi yang ditempatkan di Muzium Perak tiada nilai tandingnya. Muzium Perak kini masih kukuh berdiri menyimpan dan

mempamerkan tinggalan dan warisan kebudayaan penduduk tempatan serta alam sekitarnya untuk tatapan generasi akan datang.

6. Industri pelancongan menyumbang sebanyak 14.9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau RM201.4 billion pada tahun 2017. Memandangkan kepentingan sektor ini dalam menjana pendapatan negara, Kementerian komited dengan sasaran untuk membawa masuk lebih 30 juta pelancong asing yang bakal menyumbang RM100 billion kepada ekonomi negara menjelang tahun 2020.

7. Muzium Perak merupakan di antara muzium yang menyumbang kepada industri pelancongan ini. Tahun lepas, Muzium Perak telah dikunjungi seramai 202,774 orang pengunjung dalam dan luar negara. Manakala, setakat 31 Oktober tahun ini, jumlah pengunjungnya telah mencatatkan seramai 136,224 orang.

Ampun Tuanku

8. Saranan Patik, muzium perlu mencipta dan mempelbagaikan produk pelancongan untuk menarik pelawat, dengan menjadikan sejarah sebagai produk warisan pelancongan. Pelancong kini lebih berminat serta sedar akan kepentingan muzium, dan ingin merasai sendiri arkitektur bangunan, budaya, tempat tinggal dan aktiviti manusia seperti mana yang digambarkan dalam sejarah di muzium. Oleh itu, adalah penting bagi pelancongan warisan mengekalkan keaslian monumen dan maklumat aktiviti masyarakat setempat seperti mana peranan yang dimainkan oleh Muzium Perak kini.

9. Pelancongan warisan juga dilihat boleh menjadi salah satu sumber pendapatan ekonomi negara. Usaha menarik lebih ramai pelancong, merupakan sumber pendapatan yang mampu mewujudkan pasaran kerja. Sehubungan itu, wajarlah tumpuan terhadap pelancongan warisan diberi perhatian dalam membantu masyarakat mempelbagaikan sumber ekonomi daripada hanya bergantung kepada satu bidang industri semata-mata.

10. Selain itu, pemimpin negara juga sedar akan kepentingan kelangsungan muzium sebagai medium yang menyatukan pelbagai kaum, bangsa dan agama melalui nilai sejarah. Sesungguhnya, kerajaan menggalakkan muzium menjalinkan kerjasama berterusan dengan pihak swasta dan para penyelidik dalam usaha menambahbaik industri pelancongan dan kebudayaan negara.

**Ampun Tuanku,**

11. Adalah menjadi harapan, Perasmian Sambutan 135 Tahun Muzium Perak bersama-sama dengan program selama dua hari yang telah dirancang akan berjalan dengan lancar. Seterusnya, usaha ini memberi kesedaran tentang kepentingan muzium dalam pembangunan negara khususnya pembentukan jati diri seluruh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

12. Semoga Muzium Perak terus menjadi medium ruang bicara ilmiah, penyelidikan, rujukan maklumat, pendidikan serta turut membantu jabatan-jabatan kerajaan dalam menyebarkan maklumat secara berkesan kepada masyarakat umum.

## **Ampun Tuanku**

13. Demikianlah berakhirnya sembah ucapan patik sempena majlis ini. Patik sekali lagi dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku bercemar Duli berangkat ke Perasmian Sambutan 135 Tahun Muzium Perak pada pagi yang bersejarah ini. Semoga Duli-Duli Tuanku terus kekal bersemayam di atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Perak Darul Riduan di bawah lindungan-Nya.

14. Patik mohon dengan segala kerendahan Patik merafak sembah menyusun sepuluh jari, mengatur tutur kata jika ia tiada tertib, Patik pohonkan keampunan. Jika ia tiada hemah, Patik pohonkan petunjuk.

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, Sembah Patik mohon diampun,**

Patik menjunjung kasih Tuanku,

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**